



Rujukan :  
Reference : MITI:ID/BI/S/0.44-10

13 Jun 2012



## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

## SEGERA DENGAN FAKS

Tuan/Puan,

## PELAKSANAAN LESEN IMPORT (IL) KE ATAS PRODUK OTHER ALLOY STEEL (KOD HS 7225)

Dengan segala hormatnya ingin saya maklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan mengenakan lesen import ke atas semua flat-rolled products of other alloy steel, of a width of 600mm or more (alloy steel) di bawah kod HS7225 berkuatkuasa pada Jumaat, 15 Jun 2012. Pelaksanaan lesen import (IL) ini telahpun diwartakan pada 12 Jun 2012 di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No.2) 2012.

2. Untuk makluman tuan/puan, pelaksanaan lesen import ke atas *other alloy steel* (HS7225) bertujuan untuk:

- memastikan bahawa produk yang diimport ini memenuhi ciri-ciri kualiti dan keselamatan yang diperlukan oleh pengguna memandangkan *other alloy steel* kebanyakannya digunakan bagi aplikasi khusus kejuruteraan seperti industri minyak dan gas, maritim dan elektrik dan elektronik; dan
- memantau kemasukan produk ini ke Malaysia serta mengenalpasti penggunaannya.

3. Pelaksanaan lesen import ini dibuat setelah beberapa siri perbincangan dengan pihak industri, termasuk sesi penerangan mengenai pelaksanaan dan tatacara memohon lesen import ke atas produk-produk kod HS7225 diadakan di MITI pada Rabu, 13 Jun 2012. Dalam sesi penerangan tersebut, pihak industri/pengimport telah memaklumkan kesulitan yang dihadapi apabila pelaksanaan ini berkuatkuasa. Sehubungan dengan ini, bagi memastikan pelaksanaan dijalankan dengan lancar dan mengelakkan pengimportan barang dagangan disekat di pintu-pintu masuk Malaysia, MITI bersetuju supaya

pengimport-pengimport bagi produk dibawah kod HS7225 diberi kelonggaran/kebenaran untuk mengimport produk ini tanpa lesen import sehingga Khamis, 28 Jun 2012 (diberi tempoh tangguh/grace period selama 14 hari dari tarikh kuatkuasa, 15 Jun 2012) dan mulai Jumaat, 29 Jun 2012 pengimportan produk-produk dibawah kod HS7225 adalah tertakluk kepada lesen import. Produk-produk yang dikenakan lesen import adalah seperti berikut:

Kod HS	Produk
<b>72.25</b>	<b><i>Flat-rolled products of other alloy steel, of a width of 600mm or more Of silicon-electrical steel:</i></b>
7225.11 000	-- Grain-oriented
7225.19 000	-- Other
7225.30 000	- Other, not further worked than hot-rolled, in coils
7225.40 000	- Other, not further worked than hot-rolled, not in coils
7225.50 000	- Other, not further worked than cold-rolled (cold-reduced)
	<b><i>Other:</i></b>
7225.91 000	-- Electrolytically plated or coated with zinc
7225.92 000	-- Otherwise plated or coated with zinc
7225.99 000	-- Other

4. Kerjasama pihak tuan/puan adalah dipohon untuk:

- memaklumkan kepada ahli-ahli persatuan, lain-lain persatuan atau industri-industri yang berkaitan mengenai pelaksanaan ini memandangkan ianya telah diwartakan pada 12 Jun 2012; dan
- sebarang pertanyaan lanjut mengenai tatacara permohonan import lesen ke atas produk *other alloy steel* (kod HS7225) boleh dirujuk mulai 13 Jun 2012 dengan pegawai-pegawai MITI berikut:

(i) Pengarah  
Bahagian Kawalan Import dan Eksport  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Tingkat 2, Blok 10  
Kompleks Pejabat Kerajaan  
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

Tel. : 603-6200 0347/6200 0000  
Faks. : 603-6201 3012  
Laman web : [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)

En. Ahmad Azrai Abd. Mubin (azrai@miti.gov.my)	-	603-6200 0349
Pn. Salbiah Idris (salbiah@miti.gov.my)	-	603-6200 4258
En. Ahmad Tamyiz Ellias (ahmadtamyiz@miti.gov.my)	-	603-6203 3069
Cik Haslina Khalid (k_haslina@miti.gov.my)	-	603-6203 4048

- (ii) Pejabat-pejabat MITI di cawangan Johor, Perak, P.Pinang, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak.


5. Kerjasama daripada pihak tuan/puan untuk mengambil tindakan lanjut mengenai perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,




**(DATO' ABD MAJID KUTIRAN)**

Dasar Sektor dan Hal Ehwal Pelaburan

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



12 Jun 2012  
12 June 2012  
P.U. (A) 174

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT)  
(PINDAAN)(NO. 2) 2012

CUSTOMS (PROHIBITION OF IMPORTS)  
(AMENDMENT)(NO. 2) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT)(PINDAAN)(NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)(Pindaan)(No. 2) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2012.

**Pindaan Jadual Kedua**

2. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2008 [P.U. (A) 86/2008] dipinda dalam Bahagian II Jadual Kedua dengan memasukkan selepas butiran 42 dan butir-butir yang berhubungan dengan butiran itu butiran yang berikut:

(1) Item No.	(2) Description of Goods	(3) Heading/ Subheading	(4) Country	(5) Manner of Import
"43.	Flat-rolled products of other alloy steel, of a width of 600 mm or more	72.25	All countries	Ministry of International Trade and Industry

Dibuat 7 Jun 2012

[16 Sulit KE.HT(96)669/15-36 SK.47;Perb.0.9060/18]ld.28(SK.11);PN(PU2)338C/XVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH  
Menteri Kewangan Kedua

## CUSTOMS ACT 1967

## CUSTOMS (PROHIBITION OF IMPORTS)(AMENDMENT)(NO. 2) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 31(1) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Customs (Prohibition of Imports) (Amendment)(No. 2) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation on 15 June 2012.

**Amendment of Second Schedule**

2. The Customs (Prohibition of Imports) Order 2008 [P.U. (A) 86/2008] is amended in Part II of the Second Schedule, by inserting after item 42 and the particulars relating to the item the following item:

(1) Item No.	(2) Description of Goods	(3) Heading/ Subheading	(4) Country	(5) Manner of Import
" 43.	Flat-rolled products of other alloy steel, of a width of 600 mm or more	72.25	All countries	Ministry of International Trade and Industry

Made 7 June 2012

[16 Sulit KE.HT(96)669/15-36 SK.47;Perb. 0.9060/18 Jld.28(SK.11);PN(PU2)338C/XVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH  
Second Minister of Finance